

KAD PRIHATIN SISWA: KELANTAN_PUSAT PEMBUKAAN AKAUN SEMENTARA

Dimaklumkan, pihak RHB Bank telah membuka Pusat Pembukaan Akaun Sementara bagi pelajar baharu terutama pelajar yang berada di negeri Kelantan dan berdekatan seperti berikut:

Tarikh:

- 14 September 2023 (Khamis) 11.00 pagi – 6.00 petang
- 15 September – 17 September 2023 (Jumaat-Ahad) 9.00 pagi- 6.00 petang

Tempat:

- Pejabat FAMA Kelantan, Bangunan RTC, Tingkat 2, RTC Kota Bharu, 15150 Kota Bharu, Kelantan.

Pelajar Baharu UNIMAS dibenarkan hadir ke Pusat Pembukaan Akaun Sementara ini tanpa perlu membuat sebarang temujanji.

Pelajar perlu memastikan untuk membawa bersama dokumen lengkap seperti berikut:

▪ Pelajar Warganegara Malaysia

Jika pelajar berumur bawah 18 tahun:

- I. Sijil Kelahiran asal
- II. Kad Pengenalan asal
- III. Surat Tawaran ke Universiti/ Surat Pengesahan Pelajar

Nota Penting: Pelajar perlu ditemani oleh Ibu Bapa atau Penjaga untuk proses pembukaan akaun. Jika pelajar tidak ditemani oleh ibu atau bapa, pelajar perlu ditemani oleh Penjaga dan membawa bersama dokumen sokongan sebagai bukti hubungan; contoh Surat Kuasa Penjaga atau lain-lain dokumen yang berkenaan.

Jika pelajar berumur 18 tahun dan keatas:

- I. Kad Pengenalan asal (MyKad/MyTentera)
- II. Surat Tawaran ke Universiti/ Surat Pengesahan Pelajar

▪ Pelajar Bukan Warganegara Malaysia

- I. Passport asal (tarikh tamat tempoh melebihi 6 bulan)
- II. Surat Tawaran ke Universiti/ Surat Pengesahan Pelajar
- III. Visa/Pass pelajar (Visa/Pass perlu berada dalam keadaan sah ketika sesi pembukaan akaun)

Sekian, Terima Kasih

Penolong Pendaftar Kanan
Unit Mahasiswa Holistik
Pusat Khidmat Pelajar